


**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(ALUMNI PTD)**



**LAPORAN TAHUNAN
BAGI TAHUN BERAKHIR**

2016



Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27

Isnin, 22 Mei 2017, 3:00 Petang

Kelab Golf Perkhidmatan Awam

KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27	ms 2 - 5
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26	ms 6 - 12
Jawatankuasa Kerja & Pengurusan	ms 13
Mesyuarat Jawatankuasa Kerja	ms 14
Keahlian	ms 15
Sosial & Kebajikan	ms 16 - 18
Perkhidmatan Awam & Good Governance	ms 19
Sukan	ms 20
Hal-Hal Lain	ms 21
Laporan Juru Audit & Penyata Penerimaan & Pembayaran Tahun Berakhir 31 Disember 2016	ms 22 - 28
Senarai Jawatankuasa Kerja Sejak 1989	ms 29 - 30
Catatan	ms 31 - 32



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
The Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association
(ALUMNI PTD)

Rujukan: PTDA.01/03
April 2017

KEPADA SEMUA AHLI ALUMNI PTD

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-27

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan yang Ke-27, Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) akan diadakan pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : **22hb Mei 2017 (ISNIN)**
Jam : **3.00** petang
Tempat : Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA),
Bukit Kiara,
Off Jalan Damansara,
50768 Kuala Lumpur.

2. Agenda Mesyuarat Agung kali ke-27 ini adalah, seperti berikut:

- i. Memilih dua (2) orang Setiausaha Mesyuarat;
- ii. Ucapan Dasar Presiden;
- iii. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-26 yang telah diadakan pada 30 Mei 2016;
- iv. Menerima Laporan Jawatankuasa Kerja mengenai aktiviti-aktiviti bagi Tahun 2016;
- v. Menerima dan meluluskan Penyata Kira-Kira Tahun 2016 yang telah diaudit;
- vi. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dua (2) tahun sekali bagi Tempoh 2017 - 2019, seperti berikut:

1. Satu (1) orang Presiden
 2. Satu (1) orang Timbalan Presiden
 3. Dua (2) orang Naib Presiden
 4. Tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa
- vii. Memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira dua (2) tahun sekali bagi Tempoh 2017 - 2019;
- viii. Membincangkan usul-usul yang telah diterima oleh Urusetia sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum Mesyuarat Agung dijalankan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja, dan
- ix. Ucapan Penangguhan.

3. Memandangkan bahawa salah satu agenda di Mesyuarat Agung kali ke 27 ini akan diadakan pemilihan Ahli Jawatankuasa Kerja yang baru bagi tempoh Sesi 2017 hingga 2019, **semua ahli Alumni PTD dijemput** untuk mencadangkan nama ahli-ahli Alumni PTD yang akan dicalonkan bagi memegang Jawatan-Jawatan, seperti di **Lampiran B** dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Mesyuarat sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-27 bermula.

Sekian harap maklum.

Yang benar.



DATU DR. MICHAEL D. LUNJEW

Setiausaha Kehormat.

22 hb April, 2017

Nota:

Sila sahkan kehadiran melalui telefon/SMS/Whatsapp kepada Dato' Azhar Abu Bakar telefon no. 013-3374266 atau Datu Dr. Michael D. Lunjew telefon no. 012-3071951 atau Telefon Puan Diana 018-7112230 atau melalui email: ptdalumni@gmail.com.

Proksi

Mengikut peraturan Fasal 7. d), kehadiran dalam Mesyuarat Agung Tahunan boleh dilakukan sendiri atau secara proksi bertulis oleh ahli. Seorang ahli tidak boleh memegang lebih daripada satu (1) proksi.

Borang proksi adalah disertakan. Sila kembalikan borang proksi yang telah diisi kepada Setiausaha Kehormat di alamat seperti di Borang Kehadiran di Lampiran A sebelum 15 Mei 2017.

SETIAUSAHA KEHORMAT

Alumni PTD
Chalet 1 INTAN
Kampus Utama INTAN
Bukit Kiara
50480 KUALA LUMPUR
Datu Dr. Michael D. Lunjew,

**KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27
PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)**

Dengan hormatnya saya, _____

Akan Hadir Maaf Tidak Dapat Hadir Hadir Secara Proksi di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 Alumni PTD pada hari **Isnin, 22 Mei 2017** jam 3:00 Petang di Kelab Golf Perkhidmatan Awam, Jalan Damansara, Bukit Kiara, 60000 Kuala Lumpur.

Bagi mewakili saya di Mesyuarat Agung tersebut, saya dengan ini melantik _____ sebagai Proksi saya untuk mengundi bagi pihak saya di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 Alumni PTD.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(Tanda Tangan)

Tarikh

Nama: _____

Alamat: _____

Telofon: _____ email: _____

Nota:

Pembawa proksi perlulah menyerahkan Surat Proksi ini semasa mendaftar sebelum Mesyuarat bermula atau poskan supaya sampai kepada Setiausaha Kehormat seperti beralamat di atas sebelum **15 Mei 2017**.

**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(ALUMNI PTD)**

**BORANG PENCALONAN BAGI JAWATAN-JAWATAN DALAM JAWATANKUASA KERJA
ALUMNI PTD BAGI SESI 2017-2019
(Diisi oleh Pencadang)**

Saya, _____,
ingin mencadang Ahli/Ahli-Ahli berikut untuk bertanding bagi Jawatan/Jawatan-Jawatan seperti
dinyatakan di bawah:

Jawatan yang dipertandingkan:

1. Presiden _____
2. Timbalan Presiden _____
3. Naib Presiden _____
4. Naib Presiden _____
5. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
6. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
7. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
8. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
9. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
10. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
11. Ahli Jawatankuasa Kerja Biasa _____
12. Juruaudit _____
13. Juruaudit _____

PERAKUAN

Saya akui bahawa calon/calon-calon tersebut telah memberi persetujuan untuk bertanding bagi
jawatan yang berkenaan.

Tandatangan: _____

Di sokong oleh: _____ Tarikh: _____

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-26

PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)

MINIT MESYUARAT AGUNG YANG KE DUA PULUH ENAM, PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 MEI 2016, JAM 03:00 PETANG, BERTEMPAT DI KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM, KUALA LUMPUR.

Yang Hadir:

Bil.:	Nama Ahli:	No. Ahli:
1.	Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed	44
2.	Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	180
3.	Tan Sri Dr. Hadenan A. Jalil	222
4.	Datu Dr. Michael D. Lunjew	414
5.	Datuk Merlyn Kasimir	327
6.	Hajah Ainon Haji Kuntom	363
7.	Datuk Wira Jahaya Mat	306
8.	Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nasir Mohd Ashraf	483
9.	Dato' Dr. Mohd Tap Salleh	390
10.	Puan Lee Meng Foon	505
11.	Tan Sri Dato' Seri Hashim Meon	310
12.	Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad	566
13.	Dato' Zainal Abidin Haji Ahmad	179
14.	Encik Subramani Narayanan	439
15.	Encik Mohd Zulkifli Bin Abdul Rauf	563
16.	Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar	365
17.	Datuk Muhamamad Feisol Hassan	4
18.	Datuk Azizan Ayub	279
19.	Datin Fauziah Ramly	371
20.	Dato' Yaacob Hussin	409
21.	Dato' Shaari Mat Isa	324
22.	Dato' Mohd Ibrahim Abu Bakar	538
23.	Puan Hasnah Mohd Hasan	565
24.	Tan Sri Mohamad Noor Abdul Rahim	181
25.	Dato' Azhar Abu Bakar	486
26.	Encik Mohd Halmi @ Hilmi Abdullah	333
27.	Puan Maimun Shamsuddin	461
28.	Tuan Haji Wan Hassan Haji Wan The	133
29.	Dato' Shaari Harun	516
30.	Tan Sri Dr. Zakurnain Awang	468
31.	Tuan Haji Abu Salihi Haji Mohamed Sharif	360
32.	Datuk Dr. P. Manoharan	405
33.	Datuk Ismail Adam	515
34.	Puan Laila Wathiqah Judin	549
35.	Puan Ami Lee Abdullah	518

36. Tan Sri Dato' Sabbaruddin Chik	18
37. Tan Sri Datuk Mohamed Khatib Abdul Hamid	186
38. Tan Sri Osman S. Cassim	30
39. Datuk Halimah Sulaiman	419
40. Tan Sri Dato' Haji Mohd Yusof Hitam	132
41. Tan Sri Dr. Johari Mat	388
42. Dato' Azmeer Rashid	226
43. Dato' Abdullah Kassim	490
44. Tuan Haji Azmil Haji Mohd Daud	64

Proksi:

Tiada.

1. Pengerusi Mesyuarat

- 1.1. Mengikut Peruntukan Fasal 9, Perlembagaan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) yang berkuatkuasa pada 4 Februari, 2015, Presiden telah diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan. Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed, Presiden, memulakan mesyuarat Agung Tahunan ke 26 pada jam 3.00 petang selepas diberitahu oleh Setiausaha Kehormat bahawa korum telah diperolehi.

2. Melantik Setiausaha Bersama Mesyuarat

- 2.1. Mesyuarat telah bersetuju dengan sebulat suara melantik Datu Dr. Michael D. Lunjew dan Puan Lee Meng Foon sebagai Setiausaha Bersama Mesyuarat di atas cadangan Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid dan disokong oleh Puan Hajah Ainon Haji Kuntom.

3. Ucapan Dasar Presiden

- 3.1. Tan Sri Presiden mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan mengalu-alukan kehadiran mereka di Mesyuarat Agung Tahunan Alumni PTD yang ke-26. Seterusnya, Presiden memaklumkan bahawa Datuk Dr. Abdullah Abdul Rahman, Naib Presiden Persatuan, telah meninggal dunia pada 16 Mei 2016 yang lalu, dan permergian beliau adalah amat meyedihkan dan merupakan satu kehilangan besar kepada Persatuan. Persatuan telah menganjurkan satu majlis tahlil untuk arwah beliau pada hari Khamis, malam Jumaat 19 Mei 2016 yang lalu di INTAN. Tan Sri Presiden seterusnya menjemput ahli-ahli untuk bertakfakur dan bagi kaum muslimin membaca Surah Al-Fatihah untuk disedekahkan kepada Roh beliau dan berdoa semoga Rohnya ditempatkan di kalangan para Solehin.
- 3.2. Tan Sri Presiden seterusnya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menghulurkan bantuan wang sebanyak RM180,000.00 bagi tahun 2016 untuk aktiviti-aktiviti Persatuan. Dengan adanya bantuan ini dapatlah Persatuan mengadakan banyak lagi program bagi melaksanakan tujuan-tujuan Persatuan.

- 3.3. Tan Sri Presiden juga marakamkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak INTAN yang sentiasa memberi kemudahan, kerjasama dan sokongan kepada Persatuan. Beliau juga merasa bangga di atas kesediaan pihak INTAN meminta pandangan-pandangan Persatuan mengenai program-program yang mereka anjurkan.
- 3.4. Tan Sri Presiden telah melaporkan bahawa Persatuan telah mula mengadakan perhubungan rapat dengan KSN. Pada satu perjumpaan dengan beliau pada tahun yang lalu, KSN telah memaklumkan penghargaan beliau di atas perjumpaan seperti itu dan bersetuju ianya diinstitutionaliskan. Perjumpaan pada tahun ini akan diaturkan sebaik sahaja Persidangan “Public Service Delivery System” dapat diadakan pada akhir September nanti.
- 3.5. Berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Persatuan yang telah diadakan sepanjang tahun 2015, beliau telah merujuk butir-butirnya yang terkandung di dalam Laporan Tahunan 2015 yang akan dibentangkan pada Agenda IV.
- 3.6. Tan Sri Presiden telah mengambil kesempatan untuk memaklumkan ahli-ahli mengenai tiga program penting yang sedang dirancang:
- (i) Pertama, adalah mengenai rayuan kepada kerajaan supaya mengkaji semula kadar kemudahan pencen yang dinikmati oleh kaum pesara yang tidak mencukupi untuk membiayai sara hidup mereka pada masa kini disebabkan kos sara hidup kian meningkat tetapi kadar pencen tidak selaras dengan kenaikan kos tersebut. Satu memorandum bersama yang ditandatangani oleh Presiden Persatuan Alumni PTD, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia dan Presiden Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia telah dihantar kepada kerajaan pada awal bulan Mei ini. Persatuan mengharap agar rayuan tersebut dapat diterima oleh kerajaan.
 - (ii) Kedua, adalah mengenai Persidangan “Public Service Delivery System”. Persidangan ini akan diadakan pada bulan September 2016 yang akan melibatkan Ketua Audit Negara dan beberapa tokoh dari sektor swasta. Persidangan ini adalah amat penting dan tepat pada masanya memandangkan keadaan yang merisaukan berlaku dalam Perkhidmatan Awam sekarang.
 - (iii) Ketiga, adalah berkaitan dengan cadangan untuk membina pejabat Alumni PTD. Cadangan tersebut pernah dimajukan kepada KSN dan telah mendapat sokongan beliau. Justru, Persatuan telah bersetuju bekerjasama dengan pihak Arkib Negara dan Kementerian Pelancongan untuk membina Bangunan Bersepadu Pustaka Perkhidmatan Awam di tapak Rumah PPTD sedia ada dan mengemukakan satu kertas cadangan berkenaan kepada pihak kerajaan. Namun, sebelum kertas dapat disiapkan, Persatuan telah dimaklumkan bahawa pihak Khazanah Nasional telah diberi kelulusan untuk membangunkan kawasan Tasik Perdana, bermula dari Muzium Negara hingga ke Tugu Negara, termasuk tapak Rumah PPTD yang akan dirobuhkan, berdasarkan konsep “Forest in the City” sebagai projek CSRnya. Persatuan Alumni PTD dan PPTD telah mengemukakan berbagai hujah dan sebab mengapa Rumah PPTD harus dikekalkan sebagai bangunan “heritage” dan seharusnya dibangunkan sekaligus sebagai Pustaka

Perkhidmatan Awam yang dapat mengandungi pejabat-pejabat termasuk pejabat Alumni PTD. Pihak Khazanah telah bersetuju untuk membawa cadangan tersebut untuk pertimbangan pihak atasan. Persatuan Alumni PTD dan PPTD sedang menunggu perkembangan perkara tersebut.

- 3.7. Tan Sri Presiden menghakhiri ucapan dasarnya dengan merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang telah bersungguh-sungguh menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Ucapan yang sama dipanjangkan kepada pihak juruaudit dan ahli-ahli lain yang telah memberi sumbangan tenaga dan buah fikiran kepada Persatuan. Tan Sri Presiden juga turut mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Mohd Nasir bin Mohd Asraf kerana telah dilantik sebagai Pengerusi Institut Jantung Negara, serta Datuk Wira Jahaya Mat yang telah dilantik sebagai Keptain, Kelab Golf Perkhidmatan Awam.

4. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG YANG KE 25

- 4.1. Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara meluluskan Minit Mesyuarat Agung ke 25 tanpa sebarang pindaan di atas cadangan Datuk Muhd Feisol Haji Hassan dan disokong oleh Tuan Haji Abu Salihu Haji Mohamed Sharif.

5. MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN

- 5.1. Tan Sri Presiden telah membentangkan Laporan Kemajuan Tahunan 2015 sepertimana yang terkandung di muka surat 16 hingga muka surat 29.
- 5.2. Datuk Muhd Feisol Haji Hassan bertanya tentang direktori ahli 2015. Tan Sri Presiden memaklumkan bahawa direktori ahli tahun 2015 memang telah disediakan. Direktori yang baru akan disediakan pada tahun 2017.
- 5.3. Laporan Tahunan Bagi Tahun Berakhir Disember 2015, telah diterima serta diluluskan oleh ahli dengan sebulat suara diatas cadangan Datuk Muhd Feisol Haji Hassan dan disokong oleh Tuan Haji Abu Salihu Mohd Shariff.

6. MENERIMA DAN MELULUSKAN PENYATA KIRA-KIRA TAHUNAN 2015

- 6.1. Bendahari telah membentangkan Penyata Kira-Kira Tahunan 2015 yang telah diaudit sepertimana di muka surat 31 hingga 35. Penerimaan Persatuan di sepanjang tempoh berkenaan adalah sebanyak RM322,206.13 berbanding RM786,633.43 pada tempoh Tahun Kewangan 2014.
- 6.2. Manakala, Pembayaran Persatuan telah menurun dari RM1,151,929.18 pada Tahun 2014 kepada RM270,073.76 bagi tempoh sepanjang Tahun 2015. Keterangan lebih lanjut mengenai setiap Penerimaan dan Perbelanjaan adalah dinyatakan pada Nota 1 hingga Nota 10.

- 6.3 Bendahari juga melaporkan bahawa keadaan kewangan Persatuan masih kukuh, walaupun wang simpanan telah menurun dari RM1,800,000.00 pada tahun berakhir 2014 kepada RM1,664,400.00 pada tahun berakhir 2015.
- 6.4 Tan Sri Rahim Noor mencadang supaya Persatuan mengemukakan permohonan bantuan wang kepada Kerajaan bagi peruntukan tahun 2016.
- 6.5 Tan Sri Hashim Meon memberitahu Mesyuarat bahawa persatuan yang beliau ketuai berjaya mendapat peruntukan dari kerajaan berjumlah RM 2 juta setiap tahun. Beliau turut menyokong cadangan Tan Sri Rahim Noor.
- 6.6 Penyata Kira-Kira Tahunan 2015 telah diterima serta diluluskan oleh ahli dengan sebulat suara di atas cadangan Tan Sri Rahim Noor dan disokong oleh Puan Maimun Shamsudin.

7. MEMBINCANGKAN RESOLUSI BAGI PENUBUHAN YAYASAN ALUMNI PTD

- 7.1. Lanjutan daripada keputusan Jawatankuasa Kerja, Bendahari membentangkan satu usul bagi penubuhan Yayasan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (Yayasan Alumni PTD). Yayasan Alumni PTD. Objektif-objektif Yayasan ini adalah seperti berikut:
 - a. Membiayai program dan aktiviti bagi memupuk dan mengeratkan hubungan di kalangan ahli-ahlinya, termasuk pembiayaan aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan sukan untuk faedah ahli-ahli;
 - b. Membiayai program dan aktiviti ahli-ahlinya bagi terus menyumbang khidmat kepada negara dan masyarakat, terutamanya kearah meningkatkan mutu Perkhidmatan Awam. Ini termasuk, memberi bantuan dan sumbangan input ke arah pelaksanaan serta pencapaian dasar-dasar kerajaan, dan menawarkan pandangan serta pendapat yang jujur serta membina, sebagai maklum balas yang berharga kepada Kerajaan hari itu, dan juga kepakaran lain yang diperlukan;
 - c. Menjalankan program dan aktiviti bagi menyokong pengukuhan hubungan antara sektor awam dan swasta;
 - d. Menganjurkan ceramah dan dialog bagi membolehkan ahli-ahlinya untuk mengikuti perkembangan semasa berkaitan dengan perkhidmatan awam, ekonomi dan sosial di dalam Negara serta di arena global;
 - e. Menerima dan memberi sumbangan kepada badan-badan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama, termasuk memberi sokongan kewangan kepada mereka yang terjejas oleh bencana alam, seperti banjir, kebakaran dan gempa bumi; dan
 - f. Mengumpul dana melalui derma dan sumbangan untuk menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti di atas, serta untuk menyewa dan membiayai pembelian aset dan harta.

- 7.2. Bendahari memaklumkan Yayasan tersebut akan diwujudkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]. Penubuhan Yayasan ini adalah selaras dengan Fasal 12 (c) dalam Perlembagaan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik
- 7.3. Tuan Haji Abu Salihu Mohd Shariff mengalu-alukan usul penubuhan Yayasan Alumni PTD tersebut dan mengharapkan objektif-objektifnya boleh lebih menyeluruh dan jelas. Beliau mencadangkan supaya antara program yang patut dijalankan termasuk menghadaiahkan “Gold Prize” kepada Kadet PTD yang cemerlang dan menghadaiahkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya. Beliau juga mencadangkan diadakan satu “fund raising drive” di kalangan ahli dan percaya ramai dari mereka akan sudi menderma jumlah wang yang berpatutan. Untuk menggalakkan pihak sektor swasta menyumbangkan kepada tabung Yayasan tersebut, beliau mencadangkan agar satu kelulusan untuk “tax exemption” perlu diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negara.
- 7.4. Datuk Muhd Feisol Haji Hassan turut menyokong usul tersebut dan berkongsi pengalaman beliau dalam mewujudkan satu tabung yayasan yang serupa yang melibatkan Malaysia-German Institute di mana kerajaan turut memberi subangan.
- 7.5. Tan Sri Pengerusi telah menarik perhatian mesyuarat kepada Resolusi (b), iaitu melantik lima orang Pemegang Amanah Yayasan, Pengerusi telah mencadangkan, selain daripada cadangan Tan Sri Sallehuddin, sebagai Pengerusi dan Tan Sri Nuraizah, sebagai Timbalan Pengerusi, beliau mencadangkan supaya menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Kerja untuk melantik tiga orang ahli lagi kerana setakat itu Jawatankuasa Kerja belum dapat menentukan tiga orang calon lain dan melaporkannya kepada Mesyuarat Agung akan datang.
- 7.6. Mesyuarat setelah membincangkan Resolusi bagi Penubuhan Yayasan Alumni Ptd telah bersetuju:-
- (a) Menubuhkan Yayasan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (Yayasan Alumni PTD) di bawah Peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan 1952) [*Akta 258*], dengan nilai sumbangan permulaan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu sahaja (RM50,000.00);
 - b) Melantik **lima (5) orang** Pemegang Amanah selaras Fasal 12(d) and 12(e) Perlembagaan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik;
 - c) Dengan cadangan melantik Tan Sri Sallehuddin Mohamed, sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah dan Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid, sebagai Timbalan Pengerusi; dan
 - d) Menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Kerja melantik tiga orang ahli Lembaga lain dan nama-nama mereka dilaporkan kepada Mesyuarat Agung akan datang.
- 7.7 Tan Sri Presiden mengucapkan terima kasih kepada semua kerana meluluskan usul penubuhan Yayasan Alumni PTD tersebut.

8. MEMBINCANGKAN USUL-USUL YANG TELAH DITERIMA TERDAHULU

Tiada usul dibentangkan.

9. UCAPAN PENANGGUHAN

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed, Presiden selaku Pengerusi Mesyuarat telah mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan, seterusnya, menanggungkan Mesyuarat Agung yang Ke 26 pada jam 3.45 petang.

Disediakan oleh:

Datu Dr. Michael D. Lunjew
Setiausaha Bersama Mesyuarat

Puan Lee Meng Foon
Setiausaha Bersama Mesyuarat

Disahkan oleh:

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed
Pengerusi Mesyuarat

JAWATANKUASA KERJA & PENGURUSAN

Jawatankuasa Kerja Bagi Tempoh 2015 - 2017:

Presiden

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed

Timbalan Presiden

Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid

Naib Presiden

Tan Sri Dato' Dr. Hadenan Jalil

Allahyarham Datuk Dr. Abdullah Abdul Rahman (Sehingga 15 Mei 2016)

Bendahari Kehormat

Datuk Merlyn Kasimir

Setiausaha Kehormat

Datu Dr. Michael D. Lunjew

Ahli Jawatankuasa:

Datuk Wira Jahaya Mat

Hajjah Ainon Haji Kuntom

Dato' Dr. Mohd Tap Salleh

Puan Lee Meng Foon

Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Mohd Nasir Bin Mohd Ashraf

Datuk Dr. P. Manoharan (Mulai 1 Sept. 2016)

Datuk Yahya Bin Baba (Mulai 1 Disember 2016)

Dato' Abdul Majit Ahmad Khan (Sehingga 16 Julai 2016)

Juru Audit Dalaman

Datuk Muhd Feisol Haji Hassan

Datuk Abdul Malek Abdul Aziz

Setiausaha Pengurusan




Dato' Azhar Abu Bakar

Penolong Setiausaha Pengurusan

Puan Bismi Nurdiana Binti Mohd Mahthir

Alamat Pejabat & Surat Menyurat:

ALUMNI PTD
Chalet 1 INTAN, Kampus Utama INTAN,
Bukit Kiara, 50480 Kuala Lumpur

 : 018-711 2230,  : ptdalumni@gmail.com  www.ptdalumni.org

 <https://www.facebook.com/alumniptd>

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

Seperti di tahun-tahun sebelumnya, Tahun 2016 adalah juga merupakan tahun yang aktif bagi Jawatankuasa Alumni PTD, terutamanya dalam aktiviti-aktiviti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bulanan. Sebanyak sepuluh (10) kali mesyuarat bulanan telah dapat diadakan, disamping beberapa kali Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan Awam, Jawatankuasa Kecil 'Good Governance', Jawatankuasa Kecil Majlis Makan Malam 2016. Semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dijalankan di Bilik Mesyuarat 1 IMATEC, Tingkat 2 Bangunan IMATEC, Kampus Utama INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan manakala, mesyuarat-mesyuarat kecil seperti mesyuarat Jawatankuasa Kecil diadakan di pejabat Alumni PTD di Chalet 1 INTAN.

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26 telah diadakan pada Isnin, 30 Mei 2016 jam 3 petang di Bilik Sri Mutiara, Kelab Golf Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur. Mesyuarat kali ini tidak ada pemilihan dan perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan diantara perkara-perkara utama yang telah dibangkitkan, ialah:

- i. Sumbangan sebanyak RM180,000 daripada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bagi program dan aktiviti Alumni PTD;
- ii. Cadangan untuk menghantar Memorandum kepada Kerajaan mengenai semakan kadar pencen;
- iii. Cadangan membina semula Pejabat Alumni PTD bersama PPTD dan Arkib Negara di kawasan Rumah PPTD di Persiaran Sultan Sallahuddin, berhampiran Tugu Negara;
- iv. Cadangan bagi menganjurkan Forum mengenai "*Public Service Delivery System*";
- v. Bekerjasama rapat dengan Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, MAMPU dan INTAN dalam melaksanakan program dan aktiviti Alumni PTD; dan
- vi. Penubuhan Yayasan Persatuan Alumni PTD di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]. Penubuhan Yayasan ini adalah selaras dengan Fasal 12 (c) dalam Perlembagaan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik.



KEAHLIAN

Seramai 19 orang telah mendaftar sebagai ahli Alumni PTD yang baru dalam tempoh sepanjang tahun 2016. Manakala, seramai 10 orang ahli telah meninggal dunia di sepanjang tahun 2016. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah keahlian Alumni PTD ialah seramai 495 orang.

Ahli-ahli baru Alumni PTD yang mendaftar di sepanjang tahun 2016, ialah:

1. Dato' Basiran Bin Saban	-	No. Ahli 555
2. Encik Tean Rean	-	No. Ahli 556
3. Datuk Iskandar Sarudin	-	No. Ahli 557
4. Dato' Baharon Talib	-	No. Ahli 558
5. Datuk Rosli Ismail	-	No. Ahli 559
6. Dato' Wahab Bin Mohd Yasin	-	No. Ahli 560
7. Tan Sri Mohd Radzi Bin Abdul Rahman	-	No. Ahli 561
8. Dr. G. Parameswaran	-	No. Ahli 562
9. Encik Mohd. Zulkifli Bin Abdul Rauf	-	No. Ahli 563
10. Puan Norsiah Binti Mohd Shariff	-	No. Ahli 564
11. Puan Hasnah Bin Mohd Hasan	-	No. Ahli 565
12. Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad	-	No. Ahli 566
13. Dato' Anwar Bin Abdul Rahman	-	No. Ahli 567
14. Encik Md Ali Bin Ahmad	-	No. Ahli 568
15. Encik Lee Cheng Suan	-	No. Ahli 569
16. Puan Siti Zawiah Haji Ibrahim	-	No. Ahli 570
17. Encik Bavanandam C. Vengidasamy	-	No. Ahli 571
18. Tan Sri Dato' Zainal Bin Dahalan	-	No. Ahli 572
19. Dato' Ab Rakib Bin Ahmad	-	No. Ahli 573

Ahli-ahli yang telah meninggal dunia di sepanjang tahun 2016, ialah:

1. Dato' Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid	Meninggal Pada 16 Februari 2016
2. Tan Sri Dato' Haji Yahya Abdul Wahab	Meninggal Pada 17 Mac 2016
3. Dato' Hamidin Abdullah	Meninggal Pada 27 Mac 2016
4. Tan Sri Mahmood Taib	Meninggal Pada 29 Mac 2016
5. Datuk Dr. Abdullah Abdul Rahman	Meninggal Pada 16 Mei 2016
6. Dato' Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh	Meninggal Pada 15 Jun 2016
7. Tan Sri Dato' Sri Abdul Halil Abdul Mutalib	Meninggal Pada 16 September 2016
8. Tan Sri Saw Huat Lye	Meninggal Pada 12 Oktober 2016
9. Encik Kamarudin Abdul Rani	Meninggal Pada 25 Oktober 2016
10. Tuan Haji Mohd Saadullah Suhaimi	Meninggal Pada 27 Oktober 2016

SOSIAL & KEBAJIKAN

Majlis Kesyukuran Ulang Tahun Ke 90 YABhg Tun Abdullah Ayub pada 20 Februari 2016 bertempat di Clarke Ballroom Hotel Le Meridien Kuala Lumpur. Di antara tetamu yang hadir bersama 73 orang ahli, suami dan isteri, ialah kesemua bekas Ketua Setiausaha Negara.



Lawatan Sosial Alumni PTD ke Padang dan Bukit Tinggi, Indonesia dari 14 hingga 17 Mac 2016. Lawatan ini telah disertai oleh seramai 16 orang ahli-ahli Alumni PTD bersama suami dan isteri dan di antara tempat-tempat menarik yang telah dilawati ialah Rumah Gadang, Istana Pagar Ruyung, Pusat Sulaman Hajah Rosma, Pandai Sikek dan Keluk 44.



Semakan Kadar Pencen Untuk Persara - Memorandum Bersama kepada YAB Perdana Menteri, mengenai Semakan Kadar Pencen untuk Pesara ini, telah ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed, Presiden Alumni PTD, Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pawanteh, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia dan Tan Sri Dato' Seri Aseh Bin Hj. Che Mat, Presiden Yayasan Pesara Kerajaan/Kelab UMNO Pesara Kanan Kerajaan. Memorandum Bersama tersebut telah diserahkan oleh Presiden Alumni PTD melalui Datuk Khairun Aseh, Setiausaha Politik Perdana Menteri pada 27 April 2016. Alumni PTD telah dimaklumkan bahawa memorandum ini masih dalam tindakan oleh Pejabat Perdana Menteri.

Di antara kesimpulan yang diperakukan dalam Memorandum ini ialah,

- i. supaya satu skim dan formula pencen yang baru perlu direka bagi meningkatkan kadar bayaran pencen kepada setiap penerima pencen. Skim dan formula tersebut hendaklah mengambil kira isu kenaikan kos hidup (*cost of living*) dan faktor keadilan dan kesaksamaan bagi jawatan dan gred yang sama; dan
- ii. supaya kajian semula skim dan formula pencen Perkhidmatan Awam dilaksanakan secepat yang mungkin untuk **berkuatkuasa selewat-lewatnya mulai tahun 2017**.

Majlis Tahliil Dan Berbuka Puasa pada 15 Jun 2016 bertempat di Roof Top Garden, Sime Darby Convention Centre dengan kehadiran seramai 86 orang ahli suami isteri.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada 20 Julai 2016 bertempat di Royal Lake Club Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh seramai 162 orang ahli & tetamu.



Majlis Makan Malam Alumni PTD 2016 "Malam Seribu Memori" pada 6 Disember 2016 bertempat di Taming Sari 1 & 2, Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 230 orang Tetamu.



PERKHIDMATAN AWAM & GOOD GOVERNANCE

Mesyuarat Kerjasama INTAN Dengan Alumni PTD telah diadakan 9 Jun 2016 bagi tujuan mewujudkan kerjasama di antara pihak INTAN dengan Alumni PTD bagi melaksanakan program dan aktiviti yang adakan kaitan dengan Perkhidmatan Awam.



Forum on Public Service Delivery: *Auditor General's Report 2015'* telah dilaksanakan pada hari Khamis, 29 Sept. 2016 bermula dari jam 9:00 pagi hingga 2:00 petang bertempat di Kristal Ballroom, Hotel Hilton Petaling Jaya. Seramai 260 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Alumni PTD, pegawai-pegawai sedang berkhidmat, ahli-ahli akedemik universiti dan ahli-ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan telah menyertainya. Tan Sri Ambring Buang, Ketua Audit Negara telah menyampaikan Ucapan Utama dan perbincangan Panel dijalankan oleh Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid, selaku Pemudah Cara. Ahli-ahli Panel Perbincangan adalah terdiri daripada Tan Sri Zarinah Anwar, Datuk David Chua dan Encik Wan Saiful Wan Jan.



SUKAN

Dua pertandingan golf telah diadakan pada tahun 2016, iaitu:

Pertandingan Golf Salitulrahim Alumni PTD pada 2 Jun 2016 bertempat di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur.



Pertandingan Golf Persahabatan Alumni PTD vs ExPolis pada 15 November 2016 bertempat di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur.



HAL-HAL LAIN

Penubuhan Yayasan Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik atau Yayasan Alumni PTD masih dalam tindakan Jawatankuasa Kerja dan di antara objektik penubuhannya, ialah:

- i. Untuk membiayai program dan aktiviti bagi memupuk dan mengeratkan hubungan di kalangan ahli-ahlinya, termasuk pembiayaan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial untuk faedah ahli-ahli.
- ii. Untuk membiayai program dan aktiviti ahli-ahli Alumni PTD untuk terus berkhidmat kepada negara dan masyarakat, termasuk memberi bantuan dan input ke arah pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar kerajaan, dan menawarkan pandangan dan pendapat yang jujur serta membina sebagai maklum balas yang berharga kepada Kerajaan hari itu, dan juga kepakaran lain yang diperlukan.
- iii. Menjalankan program dan aktiviti bagi menyokong pengukuhan hubungan antara sektor awam dan swasta.
- iv. Menganjurkan ceramah dan dialog bagi membolehkan ahli-ahli untuk mengikuti perkembangan politik dan ekonomi semasa di dalam Negara dan di arena global.
- v. Untuk melanggan dan memberi sumbangan kepada badan-badan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.
- vi. Membantu dan memberi sokongan kewangan kepada mereka yang terjejas oleh bencana alam, atau bencana seperti banjir, dan kebakaran.
- vii. Untuk mengumpul dana melalui derma dan sumbangan untuk menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti di atas, serta untuk sewaan dan membiayai pembelian aset dan harta.


Penerbitan Buletin Alumni PTD telah terbit sebanyak 2 keluaran, iaitu Edisi Januari 2016 dan Edisi Disember 2016.



Penerbitan Buku Alumni PTD masih dalam tindakan perancangan Jawatankuasa Kerja Alumni PTD bagi menerbitkan penulisan buku mengenai sumbangan Pegawai PTD dalam pembangunan dan pelaksanaan beberapa '*iconic projects*.'

LAPORAN AUDIT & PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)



LAPORAN JURU AUDIT

Kami telah mengaudit Kunci Kira-Kira tersebut dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berkenaan dengan Akaun Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik bagi Tahun Berakhir pada 31 Haribulan Disember 2016.

Mengikut pendapat kami, Kunci Kira-Kira dan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bersama dengan catatan-catatan kepada kira-kira itu adalah mengikut peraturan betul untuk menunjukkan keadaan yang benar dan pandangan sederhana mengenai Akaun Persatuan tersebut mengikut maklumat-maklumat dan penerangan-penerangan yang diberikan kepada kami dan seperti yang ditunjukkan dalam buku kira-kira.

Juru Audit Dalam Alumni PTD

DATUK MUHD FEISOL HAJI HASSAN

DATUK ABDUL MALIK ABDUL AZIZ

Bertarikh: **April 2017**

Bertarikh: **April 2017**

**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
PENYATA KIRA-KIRA TAHUN 2016**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		2015	2016
Penerimaan (<i>Receipts</i>)	Nota		RM
Keuntungan Dan Pengeluaran Simpanan Tetap Di Bank Rakyat	1	207,800.00	68,567.44
Yuran Ahli Baru	2	3,500.00	1,200.00
Royalty Buku Alumni PTD oleh Penerbit UiTM (UiTM Press)		4,077.13	738.86
Jualan Buku At The Forefront of the Nation			95.00
Bantuan Kewangan Dari Tabung KWAPKK ICU, JPM			180,000.00
Sumbangan Wang Khairat Kepada Tabung Alumni PTD	4		100.00
Majlis Ulang Tahun Kelahiran Tun Abdullah Ayub Ke-90	5		4,600.00
Lawatan Sosial Ke Padang & Bukit Tinggi	7		38,852.00
Majlis Tahlil Dan Berbuka Puasa Alumni PTD	8	3,420.00	2,650.00
Majlis Hari Raya Aidil Fitri Alumni PTD	9	3,494.00	5,146.00
Majlis Makan Malam Alumni PTD 2016	11		46,300.00
Pertandingan Golf Persahabatan		45,830.00	2,000.00
Sumbangan Derma		45,750.00	
Pendahuluan Dan Lain-Lain Terimaan		8,335.00	
		322,206.13	350,249.30
Pembayaran (<i>Payments</i>)			
Gaji, Honorarium & KWSP & Tuntutan Perubatan		65,888.00	68,949.00
Bayaran Perubatan Kakitangan			89.00
Peralatan Pejabat, Alat Tulis, Fotostat & Setem Pos	3	17,646.16	11,537.65
Sajian Minuman Ringan Semasa Mesyuarat		1,856.47	1,419.00
Bayaran Perkhidmatan Internet YES & InfoBlast			968.85
Reka Bentuk Semula & Reformat Laman Web			3,500.00
Sewa Laman Web Tempoh 11.Okt. 2016 - 10.Okt 2017		530.00	530.00
Percetakan Letter Head, Envelop, Kad Ucapan & Buletin		6,248.00	11,951.50
Jambangan Bunga, Buah-Buahan Untuk Ahli Yang Uzur, Hari Jadi & Kematian		1,350.00	730.00
Penghargaan Hari Raya Aidil Fitri Untuk Ahli Jawatankuasa			1,400.00
Penutupan Tabung Khairat Kematian	4		2,400.00
Majlis Ulang Tahun Kelahiran Tun Abdullah Ayub Ke-90	5		11,024.30
Mesyuarat Agung Tahun Berakhir 2015	6	8,978.00	8,598.08
Lawatan Sosial Ke Padang & Bukit Tinggi	7	8,000.00	38,852.00
Majlis Tahlil Dan Berbuka Puasa Alumni PTD	8	12,328.97	9,080.00
Majlis Hari Raya Aidil Fitri Alumni PTD	9	18,370.90	18,780.03
Forum "Public Service Delivery: Auditor General's Report"	10	15,710.90	53,547.00
Majlis Penghargaan Presiden & Majlis Makan Malam Alumni PTD 2	11	11,800.34	62,181.65
Pertandingan Golf		45,562.90	6,000.00
Bantuan & Sumbangan		55,750.00	
Buku Cek			15.00
Cheque Processing Fee & GST 6%		53.12	42.93
		270,073.76	311,595.99
LEBIHAN (KURANGAN)		52,132.37	38,653.31

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

ASET	Nota	2015	2016
Aset Semasa			
Wang Tunai Ditangan		714.90	402.38
Tunai Di Bank		154,012.89	124,098.76
Simpanan Tetap	1	1,664,400.00	1,732,967.44
Stok & Inventory			
Buku Terbitan Alumni	12	4,305.50	4,134.50
Peralatan Pejabat	13	7,665.92	5,749.44
		1,831,099.21	1,867,352.52
TANGGUNGAN & MODAL			
Tanggungan			
Tabung Khairat Kematian		2,400.00	
Modal			
Lebih Perbelanjaan / (Kurangan) Tahun Semasa		52,132.37	38,653.31
Tabung Am Persatuan		1,776,566.84	1,828,699.21
		1,831,099.21	1,867,352.52

Disediakan oleh:

Datuk Merlyn Kasimir
Bendahari Kehormat

NOTA 1 Simpanan Tetap Di Bank Rakyat No Akaun: 33-043-100980-6

	POKOK	UNTUNG	PELABURAN SEMULA
Sijil No.: F0768624	207,800.00	8,589.83	216,389.83
Sijil No.: F0768630	207,800.00	8,589.83	216,389.83
Sijil No.: F0768635	207,800.00	8,589.83	216,389.83
Sijil No.: F0824910	208,200.00	8,559.59	216,759.59
Sijil No.: F0824920	208,200.00	8,559.59	216,759.59
Sijil No.: F0824925	208,200.00	8,559.59	216,759.59
Sijil No.: F0824927	208,200.00	8,559.59	216,759.59
Sijil No.: F0824933	208,200.00	8,559.59	216,759.59
	1,664,400.00	68,567.44	1,732,967.44

NOTA 2 Ahli Baru**Terimaan**

			1,200.00
Dr. G. Parameswaran - Ahli No: 562		100.00	
Puan Norsiah Mohd Shariff - Ahli No: 564		100.00	
Encik Mohd Zulkifli Abdul Rauf - Ahli No: 563		100.00	
Puan Hasnah Binti Mohd Hasan - Ahli No: 565		100.00	
Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad - Ahli No: 566		100.00	
Dato' Anwar Bin Abdul Rahman - Ahli No: 567		100.00	
Encik Md Ali Bin Ahmad - Ahli No: 568		100.00	
Encik Lee Cheng Suan - Ahli No: 569		100.00	
Puan Zawiyah Haji Ibrahim - Ahli No: 570		100.00	
Encik Bavanandam S/O C. Vengidasamy - Ahli No: 571		100.00	
Tan Sri Dato' Zainal Bin Dahalan - Ahli No: 572		100.00	
Dato' Ab Rakib Bin Ahmad - Ahli No: 573		100.00	

NOTA 3 Peralatan Pejabat, Alat Tulis, Fotostat & Setem Pos**Pembayaran**

			11,537.65
Fotostat & Setem Pos		5,500.95	
Alat Tulis, Kertas, Fail & Ink/Toner		5,921.40	
Peralatan Pantry Pejabat		115.30	

NOTA 4 Penutupan Tabung Khairat Kematian Dan Wangnya Dikembalikan Kepada Waris**Pengeluaran**

			2,400.00
Sumbangan Kepada BaitulMal Wilayah Persekutuan		1,900.00	
Waris Allahyarham Dato' Nik Mohamed		300.00	
Dato' Seri Mohd Hussaini Abdul Jamil		50.00	
Waris Allahyarham Tuan Haji Saadullah Suhaimi		50.00	
Tan Sri Haji Hanafiah Haji Ahmad		100.00	

Terimaan

			100.00
Sumbangan Tan Sri Haji Hanafiah Hj Ahmad Untuk Ke Alumni PTD		100.00	
			2,300.00

NOTA 5 Majlis Ulang Tahun Kelahiran Tun Abdullah Ayub Ke-90**Terimaan**

			4,600.00
Sumbangan Daripada Ahli-Ahli		4,600.00	

Pembayaran

			11,024.30
Pakej Majlis Ulangtahun Tun Abdullah Ayub Ke-90		10,500.00	
Kek Ulang Tahun & Pax Tambahan Ke-90 Tun Abdullah Ayub		524.30	

Tanggungjawab Persatuan **(6,424.30)**

NOTA 6 Mesyuarat Agung Tahun Berakhir 2015**Pembayaran**

			8,598.08
Urusan Pos dan Stem		845.58	
Buku Laporan Tahunan Mesyuarat Agung Tahun Berakhir 2015		5,088.00	
Hi-Tea Mesyuarat Agung Tahunan Alumni PTD Ke-26 Di KGPA		2,464.50	
Perkhidmatan Juru Gambar Semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-26		200.00	

NOTA 7 Lawatan Sosial Ke Padang & Bukit Tinggi Dari 14 - 17 Feb. 2016**38,852.00****Terimaan**

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed	7,591.00
Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	4,734.00
Dato' Shaari Mat Isa	4,734.00
Puan Maimun Shamsuddin	4,734.00
Encik Mohd Zulkifli Abdul Rauf	4,734.00
Encik Saadun Mat Sabari	4,734.00
Datuk Azizan Ayob	4,734.00
Dato' Azhar Abu Bakar	2,857.00

Pembayaran**38,852.00**

Pendahuluan Bayaran Pakej Lawatan Ke Padang Bukit Tinggi	38,852.00
----------------------------------------------------------	-----------

Tanggungjawab Persatuan**0.00****NOTA 8 Majlis Tahlil Dan Berbuka Puasa Alumni PTD 1437H****Terimaan****2,650.00**

Sumbangan Wang Tunai	2,200.00
Sumbangan Dato' Shaari Harun	50.00
Sumbangan Tun Abdullah Ayub	150.00
Sumbangan Tan Sri Dato' Sri Dr Mohd Nasir Ashraf	100.00
Sumbangan Dato' Abdul Majit Ahmad Khan	150.00

Pembayaran**9,080.00**

Pakej Jamuan Bufet Majlis Tahlil & Berbuka Puasa	8,480.00
Saguhati 2 Orang Iman Solat	400.00
Perkhidmatan Juru Gambar	200.00

Tanggungjawab Persatuan**(6,430.00)****NOTA 9 Majlis Hari Raya Aidil Fitri Alumni PTD 1437H****Terimaan****5,146.00**

Sumbangan Wang Tunai	3,106.00
Sumbang Melalui Cek	100.00
Sumbangan Kambing Bakar 1 Ekor - Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	970.00
Sumbangan Kambing Bakar 1 Ekor - Tan Sri Dr. Hadenan A Jalil	970.00

Pembayaran**18,780.03**

Backrop Majlis Hari Raya Aidil Fitri 1437H	152.65
Jambangan Bunga Untuk Main Table	150.00
Pakej Jamuan Hari Raya - Royal Lake Club Kuala Lumpur	14,577.38
Kumpulan Muzik Wan Azhar & Sound System Hari Raya 1437H	3,000.00
Mohammed Dinie & Khairil Azreen Hiburan Khas Hari Raya 1437H	700.00
Perkhidmatan Juru Gambar Semasa Majlis	200.00

Tanggungjawab Persatuan**(13,634.03)****NOTA 10 Forum "Public Service Delivery: Auditor General's Report"****53,547.00****Pembayaran**

Pakej Half-Day Forum RM140.00 Nett X 340 Pax	47,600.00
Sewa 1 Unit Projektor LCD Tambahan	1,700.00
Minuman Semasa Raptai Pada 28.09.2016	837.00
Buku Program	2,597.00
Ribbon Pembalut Hadiah & Bag Kertas	48.00
Buku-Buku Hadiah 5 X RM	495.00
Bayaran Tempat Letak Kereta Petugas Dari INTAN	270.00

NOTA 11 Majlis Makan Malam Alumni PTD 2016**46,300.00****Terimaan****Sumbangan****17,300.00**

Datuk Seri Ismail Yusof Yayasan AlBukhary	5,000.00
Sumbangan Iklan I & P Group Sdn. Bhd	3,000.00
Koperasi Setia (M) Berhad	1,000.00
YDH Toh Indera Jaya Dato' Ishak Haji Mohamed	1,000.00
Tan Sri Aseh Che Mat	2,000.00
Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob	1,500.00
Dato' Ahmad Jabid Mohd Don	550.00
Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pawanteh	500.00
Datuk Dr. Mohd Ghazali Mohd Nor	500.00
Tun Abdullah Ayub & Toh Puan Anna A Raneer	300.00
Tan Sri Mohd Sidek Hasan	100.00
Tan Sri Kamaruzzaman Sharrif	200.00
Tan Sri Dato' Ramon Navaratnam	100.00
Tuan Haji Ithnin Haji Hassan & Isteri	300.00
Datuk Pahamin A. Rajab & Datin	300.00
Datuk Azizan Ayub & Datin Maryam	300.00
Datuk Ismail Haji Ahmad	300.00
Dato' Shahbuddin Imam Mohamad	150.00
Datin Paduka Nur Hayati Mohammed & Suami	100.00
Sumbangan Tunai Semasa Majlis	100.00

Pembelian Meja**22,500.00**

Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nasir Mohd Ashraf	1,500.00
Tan Sri Dr. Hadenan A. Jalil & Puan Sri	1,500.00
Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid & Datuk Zainal	1,500.00
Tan Sri Dato' Abdul Halim Ali	1,500.00
Tan Sri Samsuddin Osman	1,500.00
Tan Sri Arshad Ayub	1,500.00
Tan Sri Aseh Che Mat	3,000.00
Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob	1,500.00
Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Pawanteh	1,500.00
Dato' Dr. Mohd Tap Salleh	1,500.00
Datuk Merlyn Kasimer	1,500.00
Dato' Hafizah Hassan & PTD Kumpulan 4'1983	1,500.00
YDH Toh Indera Jaya Dato' Ishak Haji Mohamed	3,000.00

Penyertaan Ahli**6,500.00****Pembayaran****62,181.65**

Cetak & Bekalan Backdrop Majlis	152.65
Perkhidmatan Pakej Sistem Bunyi, Musik & Hiburan Penyanyi	16,000.00
Pakej Sajjian Makanan Dan Sewa LED	40,075.00
Puan Sharifah Nadiya - Perkhidmatan MC	2,500.00
Tuan Haji Ramli Osman Bayaran Saguhati	150.00
Makan Tengah Hari Semasa Raptai	201.00
Percetakan Kad Jemputan, Envelop & Buku	2,703.00
Perkhidmatan Juru Gambar	400.00

(15,881.65)**NOTA 12 Stok Buku-Buku Terbitan Alumni PTD****4,154.50**

Buku Kulit Keras "Service Par Excellence" (11 Naskah X RM52.50)	577.50
Buku Kulit Lermbut "Service Par Excellence" (11 Naskah X RM35.00)	385.00
Buku "At the Forefront of Nation Building: Perspectives from the PTD Service"	3,192.00

NOTA 13 Peralatan Pejabat Susut Nilai Purata 20% Setahun)

	Harga Asal	Susut Nilai	Nilai Semasa
Susut Nilai Tahun Ke-2 (40%)			
1 Unit Asus Notebook	2,020.00	808.00	1,212.00
1 Unit NEC Desktop PC & Monitor	1,299.00	519.60	779.40
1 Unit Tefal Kettle	179	71.60	107.40
1 Unit Panasonic Microwave	339	135.60	203.40
1 Unit M.Richards Coffee Maker	310	124.00	186.00
1 Unit Panasonic Fridge	528	211.20	316.80
1 Unit Sony LED TV 40"	1,499.00	599.60	899.40
1 Unit Samsung Audio System	860	344.00	516.00
1 Unit Kamera Nikon	2,548.40	1,019.36	1,529.04
	9,582.40	3,832.96	5,749.44

AHLI JAWATANKUASA KERJA SEJAK 1989

PRESIDEN

YABhg Tun Abdullah Mohd Salleh	1989 - 1997
YBhg Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed	1997 - Kini

TIMBALAN PRESIDEN

YBhg Tan Sri Hashim Aman	1989 - 1993
YBhg Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad	1993 - 1995
YBhg Tan Sri Osman S. Cassim	1995 - 1999
YBhg Dato' Sri Mohd Khalil Haji Hussein	1999 - 2009
YBhg Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	2009 - Kini

NAIB PRESIDEN

YBhg Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad	1989 - 1992
YBhg Tan Sri Osman S. Cassim	1992 - 1995
Encik Abdul Rahim Mohamad	1995 - 1999
YBhg Dato' Wan Mansor Abdullah	1999 - 2011
YBhg Tan Sri Haji Hanafiah Ahmad	2005 - 2009
YBhg Tan Sri Dato' Dr. Hadenan A. Jalil	2009 - Kini
YBhg Datuk Dr. Abdullah Abdul Rahman	2011 - 2016

SETIAUSAHA KEHORMAT

Encik Abdul Rahim Mohamad	1989 - 1992
YBhg Dato' Abu Bakar Haji Mohd Said	1993 - 1996
YBhg Dato' Rommel Josef	1997 - 2009
YBhg Datu Dr. Michael D. Lunjew	2009 - Kini

BENDAHARI KEHORMAT

YBhg Datuk Muhd Feisol Haji Hassan	1989 - 1994
YBhg Dato' Mohd Noor Ismail	1995 - 2000
YBhg Dato' Khalid Ismail	2001 - 2015
YBhg Datuk Merlyn Kasimir	2015 - Kini

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

YBhg Tan Sri R.V. Navaratnam	1989 - 1992
YBhg Daro' Baharuddin Musa	1989 - 2000
YBhg Tan Sri Osman S. Cassim	1989 - 1992
YBhg Tan Sri Arshad Ayub	1989 - 1992
YBhg Tan Sri Radin Soenarno	1989 - 1992
Encik Lee Cheng Yan	1989 - 1994
YBhg Tan Sri Hashim Aman	1993 - 1994
YBhg Dato' Dr. M. Shanmughalingam	1993 - 2005
YBhg Tan Sri Alwi Jantan	1993 - 1994
Encik Abdul Rahim Mohamad	1993 - 2001
YBhg Datuk Muhd Feisol Haji Hassan	1995 - 2003
Tuan Haji Azmil Haji Mohd Daud	1995 - 2005
Tuan Haji Mohd Saadullah Suhaimi	1995 - 2007

YBhg Dato' Rommel Josef	1995 - 1996
YBhg Dato' Abu Bakar Haji Mohd Said	1997 - 1998
YBhg Datuk Shahrudin Haron	1999 - 2000
YBhg Dato' Mohd Sharif Osman	2001 - 2005
YBhg Dato' Shahabudin Imam Mohamed	2003 - 2005
YBhg Dato' Shamsuddin Dahlan	2003 - 2005
YBhg Dato' Ahmad Zabri Ibrahim	2003 - 2007
YBhg Dato' Noh Haji Abdullah	2003 - 2009
YBhg Dato' Pahamin A. Rejab	2005 - 2007
Puan Hajah Ainon Binti Kuntom	2006 - Kini
Encik Kassim Sarbani	2007
YBhg Dato' Wahiduddin Wahab	2007
YBhg Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid	2007 - 2009
YBhg Dato' Wira Jahaya Bin Mat	2007 - Kini
YBhg Datuk Merlyn Kasimir	2007 - Kini
YBhg Dato' Halifah Esa	2009 - 2010
YBhg Dato' Abdul Majit Ahmad Khan	2009 - 2016
YBhg Dato' Dr. Mohd Tap Salleh	2009 - Kini
YBhg Dato' Dr. Mohamed Ghazali Haji Mohd Noor	2011 - 2012
Puan Lee Meng Foon	2012 - Kini
YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Mohd Nasir Mohd Ashraf	2012 - Kini
YBhg Datuk Yahya Bin Baba	2016 - Kini YBhg
Datuk Dr. P.Manoharan	2017 - Kini

JURU AUDIT

Tuan Haji Mohd Saadullah Suhaimi	1989 - 1992
Encik Mohd Shamsuddin Mohd Noor	1989 - 1992
YBhg Dato' Haji Ahmad Saadi	1992 - 1994
YBhg Dato' Syed Zainal Abidin Jamalullail	1993 - 1998
YBhg Dato' Wan Mansor Abdullah	1995 - 1998
YBhg Dato' Sulaiman Abdullah	1999 - 2000
YBhg Dato' Khalid Haji Ismail	1999 - 2000
YBhg Tan Sri Haji Hanafiah Ahmad	2001 - 2005
YBhg Dato' Abu Bakar Haji Mohd Said	2001 - 2005
YDH Tan Sri Dato' Paduka Raja Wan Mahmood Bin Pawanteh	2005 - 2010
Tuan Haji Azmil Haji Mohd Daud	2005 - 2015
YBhg Dato' Muhd Feisol Haji Hassan	2011 - Kini
YBhg Datuk Abdul Malek Abdul Aziz	2015 - Kini

PENGURUSAN

Encik C. Ayadurai	1991 - 2011
Encik Ramse Bin Ablah	2011 - 2012
YBhg Dato' Azhar Abu Bakar	2012 - Kini

CATATAN

PROFAL
PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
The Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association
(ALUMNI PTD)

Alumni PTD telah didaftarkan pada 19 April 1989 sebagai persatuan pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dalam PTD, yang pada mulanya, dikenali sebagai Malayan Civil Service (MCS). Allahyarham Tun Abdullah Mohd. Salleh telah dipilih sebagai Presiden pertamanya dan berkhidmat selama 6 tahun sehingga tahun 1997, apabila Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed, Presiden sekarang, menggantikan beliau.

Alumni PTD menyediakan berbagai peluang untuk ahli-ahlinya bertemu dalam banyak aktiviti sosial sebagai memenuhi objektif meningkat dan memperkukuhkan hubungan antara mereka. Namun, objektif yang lebih penting ialah menyediakan landasan bagi ahli-ahli terus berbakti kepada masyarakat dan negara. Ini termasuk memberi bantuan dan input kepada pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar kerajaan, memperkukuhkan hubungan antara sektor awam dan sektor swasta, serta memberi pandangan dan ulasan yang membina sebagai makluman balas yang berguna kepada kerajaan yang memerintah.

The PTD Alumni, registered on 19 April 1989, is an association of retired government officers who served in the PTD known, initially, as the Malayan Civil Service (MCS). The late Tun Abdullah Mohd. Salleh was elected the first President and served for six years until 1997 when Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed, the current President, succeeded him.

Established to foster and strengthen relationships among its members, the PTD Alumni provides opportunities for members to meet by organising a range of social activities. A more important objective, however, is to provide a platform for members to continue to serve the nation and society, including giving assistance and input toward the implementation and achievement of government policies, strengthening the relationship between the public and private sectors, and offering frank and constructive views and opinions as valuable feedback to the Government of the day.

PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(ALUMNI PTD)

**Chalet 1 INTAN, Kampus Utama INTAN,
Bukit Kiara, 50480 Kuala Lumpur**

Tel: 018 - 711 2230

ptdalumni@gmail.com

ptdalumni.org